

TIDAK BOLEH DIFOTOSTAT

**PENGGUNAAN REKA BENTUK JENIS ESTETIK DALAM
BARANGAN TEMBAGA DI PANTAI TIMUR**

ZURAINE BINTI YUSOFF @ DAUD

97345682

**IJAZAH SARJANA MUDA SENI REKA LOGAM HALUS
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN
SESSI 2001**

**PENGGUNAAN REKABENTUK JENIS ESTETIK DALAM BARANGAN
TEMBAGA DI PANTAI TIMUR**

ZURAINI BINTI YUSOFF @ DAUD
(97345682)

Tesis ini dikemukakan kepada Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjana Muda Seni Reka Logam Halus.

1. Diperiksa oleh  Tarikh 8.10.2004
MOHD. AZHAR BIN SAMIN
2. Diperiksa oleh Tarikh
3. Diperiksa oleh Tarikh

Dekan

Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka

Universiti Teknologi MARA

40450 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya saya dapat menyiapkan tesis ini dengan seadanya. Walaupun terdapat kesulitan dan cabarannya, saya masih boleh dan tetap juga cuba untuk menyiapkan dengan mendapatkan bantuan daripada pelbagai pihak.

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pensyarah yang terlibat terutamanya kepada Encik Mohd Azhar bin Samin yang tidak pernah jemu membantu saya dalam proses penyusunan semula tesis. Segala keperluan, tunjuk ajar dan kehendak-kehendak tesis ini samada secara langsung atau tidak langsung dapat diselesaikan dengan baik sehinggalah ia siap disempurnakan. Tanpa perhatian dan tunjuk ajar dari anda, tesis ini mungkin tidak lengkap dan tepat.

Selain itu, saya juga ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada Encik Dahuri bin Idris selaku Koordinator Seni Lukis dan Seni Reka yang mendorong kami bagi memenuhi keperluan sijil bagi pelajar tahun akhir seperti kami. Tidak lupa juga kepada kedua ibubapa dan ahli keluarga saya di atas dorongan dan sokongan moral mereka terhadap saya dalam menyiapkan tesis ini di samping pensyarah-pensyarah lain yang terlibat dalam projek tesis ini.

Kepada sampel-sampel yang terlibat, saya ucapkan kalungan terima kasih di atas kerjasama yang diberikan sepanjang sesi temubual dan soal selidik diadakan. Segala bantuan maklumat mengenai rekabentuk jenis estetik tembaga yang diberikan amat saya

hargai dan kenangi seumur hidup. Insya-Allah. Ia juga akan saya jadikan pedoman dan pengajaran untuk diri saya kelak.

Tidak lupa juga saya ucapkan terima kasih kepada unit kakitangan Ethnologi Perbadanan Muzium Terengganu Malaysia, Perbadanan Muzium Kelantan, Perpustakaan Awam Terengganu dan Kelantan, kakitangan Perpustakaan Machang di Universiti Teknologi Mara Cawangan Kelantan, Perpustakaan Tun Abdul Razak di Universiti Teknologi Mara Shah Alam, kakitangan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Kelantan dan Terengganu, Encik Wan Mahadi dan keluarga di Kampung Ladang Sekolah, Encik Aziz dan keluarga di Kampung Ladang, kakitangan Sirim Sdn.Bhd, pengusaha tembaga di Kelantan dan Terengganu, orang-perseorang serta masyarakat awam di Kelantan dan Terengganu kerana kesudian dan layanan mereka dalam menjayakan tesis ini.

Tanpa bantuan dan kerjasama dari pelbagai ini, tidak mungkin saya dapat menjalankan penyelidikan tesis dengan lancar. Segala bantuan dan pertolongan daripada semua pihak yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung amat saya hargai. Harapan saya semoga dirahmati Allah s.w.t selalu. Insya-Allah.

Sekian, terima kasih.

Zuraine Binti Yusoff @ Daud

Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka Logam Halus

Universiti Teknologi Mara Cawangan Kelantan

2001

SINOPSIS

Tesis adalah merujuk kepada bidang seni logam yang mengupas tentang penggunaan rekabentuk jenis estetik pada barang tembaga di Pantai Timur iaitu Kelantan dan Terengganu. Tujuan penyelidikan mengenai hal ini ialah untuk menjadikan penggunaan rekabentuk jenis estetik pada tembaga ditingkatkan semula samada di kalangan pengusaha ataupun masyarakat sekeliling. Ini kerana penggunaan rekabentuk tembaga jenis estetik kurang digunakan dan kini telah berubah. Sebagai satu alternatif, pemeliharaannya dari terus mengalami perubahan dan kurang digunakan langkah yang serius harus dijalankan supaya iaanya dapat dipulih dan dijaga dengan baik. Walaupun kini, rekabentuk jenis estetik telah dikomersialkan baik dari segi rekabentuk mahupun rekacorak, langkah penjagaan dan pemeliharaannya harus diambil berat. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah pemerhatian yang membincangkan secara bersepada dengan menggunakan soalan-soalan pendek, sesi temubual dan soalan-soalan bertulis yang merangkumi tajuk yang dikaji. Sampel kajian yang dipilih ialah mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan proses pembuatan tembaga jenis estetik. Alat ukuran seperti temuramah, soal selidik, dokumen persendirian dan pemerhatian luar sedikit sebanyak membantu pengkaji mencari jawapan kepada kajian yang dibuat. Kaedah pengumpulan data dan penilaian data-data diproses dalam bentuk nilai peratusan. Berdasarkan keputusan hasil kajian mendapati kelainan rekabentuk jenis estetik dan fungsinya memang kelihatan pada barang tembaga yang dihasilkan kerana kebanyakan pengusaha lebih mementingkan keuntungan berbanding mutu dan kualiti yang dihasilkan. Namun begitu tidak menjadi kesalahan sekiranya ia dikomersialkan baik dari segi fungsi mahupun rekabentuk atau rekacorak tetapi haruslah dititikberatkan juga aspek ketinggian seni kraf tradisi Melayu hasil warisan sejak berzaman.